

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 24 / 10 / 2007

## Dr. M terima kunjungan pelawat

UM - 24/10/2007  
KUALA LUMPUR 23 Okt. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad sudah mula menerima kunjungan pelawat di kediamannya di The Mines, Seri Kembangan di sini tetapi hanya dihadkan kepada rakan rapat beliau sahaja.

Anak beliau, Datin Paduka Marina berkata, atas permintaan bapanya itu, hanya beberapa pelawat yang kebanyakannya rakan-rakan rapat menemui beliau selama sejam sekitar pukul 11 pagi ini.

"Bapa semakin sihat dan menjalani kehidupan rutin harian beliau dengan bersarapan pagi pada pukul 8.30 pagi.

"Selepas bersarapan, bapa akan menjalani pemeriksaan beberapa doktor sebelum menerima kunjungan pelawat," kata Marina dalam e-mel yang dikirimkan ke *Utusan Malaysia* hari ini.

Menurut Marina, selepas bapanya menerima kunjungan pelawat, beliau (Mahathir) akan berehat sehingga waktu untuk makan tengah hari.

Marina menambah, di sebelah petang, bapanya akan menjalani latihan jasmani di bawah seliaan beberapa orang fisioterapi.

"Selepas menjalani latihan fisioterapi, bapa akan minum teh dan seterusnya makan malam sebelum masuk tidur," jelas Marina.

Dr. Mahathir sebelum ini menjalani pembedahan pintasan jantung kali keduanya di Institut Jantung Negara (IJN) pada 4 September lalu dan kemudiannya menjalani pembedahan membersihkan jangkitan pada 22 September lalu.

Beliau pulang ke rumah pada Ahad lalu setelah berada di IJN selama 50 hari.